

## Maklumat Am Perolehan Kerajaan

Kementerian Kewangan merupakan Agensi Pusat yang menetapkan dasar pengurusan kewangan Kerajaan termasuk perolehan Kerajaan. Seksyen 6 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyelia dan menyelaraskan perolehan Kerajaan. Bagi tujuan meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan agensi-agensi Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia mengamalkan konsep desentralisasi melalui penurunan kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk membuat keputusan. Bagi melaksanakan kewajipan tersebut, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Arahan Perbendaharaan, 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) dan peraturan yang berkaitan.

Bagi tujuan untuk mempertimbang dan menyetujui terima tender, pihak berkuasa meluluskan tender ditetapkan seperti berikut:

### A. Peringkat Kementerian Kewangan

- i). Tender kerja bernilai **melebihi RM 100 juta**;
- ii). Tender bekalan dan perkhidmatan bukan perunding bernilai **melebihi RM 50 juta**;
- iii). Tender kerja, bekalan dan perkhidmatan bukan perunding bernilai **melebihi RM 300 juta** bagi Badan – badan Berkanun / Syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

### B. Peringkat Lembaga Perolehan Kementerian/Jabatan Kerja Raya

Lembaga Perolehan 'A' (LP 'A')	Lembaga Perolehan 'B' (LP'B')
<p>LP 'A' diberi kuasa untuk mempertimbang dan menyetujui terima tender seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Tender kerja bernilai <b><u>melebihi RM20 juta sehingga RM100 juta</u></b> ; dan</li><li>ii) Tender bekalan dan perkhidmatan bernilai <b><u>melebihi RM 20 juta sehingga RM 50 juta</u></b>.</li></ul>	<p>LP 'B' diberi kuasa untuk mempertimbang dan menyetujui terima tender seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Tender kerja bernilai <b><u>sehingga RM 20 juta</u></b>; dan</li><li>ii) Tender bekalan dan perkhidmatan bernilai <b><u>sehingga RM 20 juta</u></b>.</li></ul>